

Trend mahasiswa kahwin awal

Kahwin awal merujuk kepada perkahwinan antara lelaki dan perempuan pada usia 18-24. Untuk memudahkan lagi, pasangan yang mendirikan rumah tangga ketika mereka masih lagi belajar. Kahwin awal ini kembali menjadi perbualan di mulut para remaja mahupun ibu bapa. Dahulunya fenomena ini adalah perkara biasa kepada datuk atau nenek kita sahaja.

Tetapi zaman era globalisasi ini, berapa ramai yang berani menyahut seruan ini? Kahwin muda adalah cara untuk mengelakkan daripada perkara yang tidak diingini berlaku. Dalam Islam juga menggalakkan kahwin awal bagi menjaga kehormatan seseorang.

Firman ALLAH, "Dan kahwinilah orang-orang bujang lelaki & perempuan) dari kalangan kamu dan orang-orang yang soleh dari kalangan hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan." (Surah An-Nur: 32)

Kahwin awal atau muda banyak kelebihannya, petikan dari sebuah blog - Republic Meow mengatakan, kahwin awal dapat mengelak daripada perbuatan

zina. Pasangan muda yang masih belajar apabila kahwin muda, mereka akan terlepas daripada melakukan maksiat sebab sudah mempunyai hubungan yang halal dan sah. Daripada bercouple bertahun-tahun tetap berdosa sebab semasa bercouple macam-macam maksiat boleh berlaku. Dalam Islam pun sebenarnya tidak dibenarkan sama sekali bercouple, sebaliknya yang lebih indah iaitu bercinta selepas nikah.

Dapat mengawal nafsu dan elakkan maksiat, sekarang ini terlalu banyak kes anak luar nikah, kes pemuangan bayi. Ini semua berlaku disebabkan perasaan cinta yang ditambah dengan nafsu dan hasutan syaitan, maka terjadilah zina. Sebab tu digalakkan berkahwin ketika belajar pada usia muda, sebab kita selamat dari melakukan perbuatan terkutuk dan selamat daripada melakukan dosa. Apabila sudah berkahwin pastinya kita akan menjaga zuriat kita dengan baik dan sempurna.

Batas-batas pergaulan anda terpelihara, memang tak dapat



Surat Pembaca

Apabila perkara ini selalu terjadi, secara tidak langsung pasangan akan terlibat dengan perbuatan terlarang.

dinafikan pasangan selalunya tidak dapat menahan perasaan ingin berjumpa, ingin dating, ingin bersama-sama setiap waktu.

Berkahwin pada usia muda, kita sebenarnya sudah boleh dikatakan selamat daripada gangguan orang ramai, seperti sering terjadi kepada pelajar perempuan di IPTA. Pastinya hidup anda akan lebih berkat apabila mempunyai ikatan hubungan yang sah iaitu suami dan isteri. Batas-batas pergaulan anda terpelihara, memang tak dapat dinafikan

Berkahwin pada usia muda, kita sebenarnya sudah boleh dikatakan selamat daripada gangguan orang ramai, seperti sering terjadi kepada pelajar perempuan di IPTA. Pastinya hidup anda akan lebih berkat apabila mempunyai ikatan hubungan yang sah iaitu suami dan isteri.

Prestasi cemerlang selepas kahwin dan mendapat semangat

baharu untuk belajar. Tidak dapat dinafikan ramai yang berkahwin semasa belajar memperoleh keputusan yang cemerlang dalam pelajaran dan peperiksaan. Berkahwin, menjadikan seseorang itu lebih tenang dan matlamat hidup mereka lebih jelas. Mereka lebih fokus dalam bidang pelajaran dan sokongan daripada pasangan

membuatkan mereka lebih bersemangat.

Dapat membuat perancangan keluarga lebih awal. Apabila berkahwin pada usia muda, mereka boleh merancang untuk masa depan keluarga sendiri. Isteri juga akan berasa yakin apabila melahirkan anak pada usia muda. Kelahiran ini sebenarnya memberi keuntungan kepada pasangan dengan melihat pada kelebihan

seperti ketika anda baharu usia 30an, anak-anak sudah besar. Jadi anda tidak kelam-kabut pada usia tersebut.

Menjadikan pasangan lebih bertanggungjawab. Apabila sudah berkahwin dan mempunyai keluarga, kita pasti akan berubah, terutama dari segi sikap. Yang agak malas akan jadi lebih rajin sebab kita bukan lagi hidup di bawah jagaan ibu dan ayah, tetapi sudah mempunyai tanggungjawab besar untuk menjaga keluarga.

Berdasarkan kelebihan tersebut, Islam sesuatu agama yang senang dan mudah untuk diikuti. Islam sama sekali mengharamkan pergaulan antara lelaki dan perempuan tanpa tujuan tertentu kerana zina adalah termasuk dalam dosa-dosa besar dan kesannya sangat mendalam kepada pelakunya. Marilah kita sama-sama jauhi zina dan katakan TIDAK kepada couple dan katakan YA kepada kahwin awal.

**Siti Badariah Nawi
Fakulti Pengajian Bahasa
Utama Universiti Sains Islam
Malaysia*